## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 4 JANUARI 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | PALEKBANG BRIDGE, KPG LAUT PROJECTS WILL FURTHER BOOST TOURISM, SAYS MUSTAPA, ONLINE, BORNEO POST (KUCHING)<br>KELANTAN MB AND MUSTAPA INSPECT ECERDC'S 2 PROJECTS. ONLINE, SIN CHEW DAILY (EAST COAST)<br>MAFI PASTIKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA MENCUKUPI – CHE ABDULLAH, NASIONAL, HARAKAH -H24 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 4.<br>5. | KENAPA TIDAK TERNAK BABI DI KAWASAN PEMAKAN BABI???, NASIONAL, HARAKAH -H21<br>JAMIN STATUS HALAL, BISNES, HM -21 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 6.<br>7. | NELAYAN AMBAI, LUKAH DINASIHAT BERWASPADA, DALAM NEGERI, UM -31<br>KAYAK FISHING TESTS ANGLERS' STAMINA, SKILLS, ONLINE, BORNEO POST (KK) | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9. | MAQIS BERJAYA RAMPAS KUBIS SELUDUP BERNILAI RM23,690, NEGARA, KOSMO -14<br>2,500KG KUBIS DARI INDONESIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -18 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 10.<br>11. | RAMAI USAHAWAN BIMBINGAN MARDI BERJAYA, PANTAI TIMUR, HARAKAH -H14<br>MARDI LAHIR 530 USAHAWAN TANI, PANTAI TIMUR, HARAKAH -H14 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 12. | LPP SASAR PELABUR DARI NEGARA ARAB, NASIONAL, HARAKAH -H5 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 13.<br>14,<br>15. | PORTAL AGROBAZAAR ONLINE HAMPIR SESAK, BISNES SINAR, SH -31<br>LARIS MUSIM PKP, BISNES, HM -20<br>ALIRAN TRAFIK PORTAL AGROBAZAAR FAMA TINGGI, BISNES, BH -37 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20. | DEPUTY AGRICULTURE MINISTER HANDS OVER 'BACK-TO-SCHOOL' AID, ONLINE, SIN CHEW DAILY<br>NAFAS PERUNTUK RM580,000 MELALUI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL', ONLINE, UTUSAN BORNEO<br>NAFAS AGIH BANTUAN *BACK TO SCHOOL*, NASIONAL, SH -7<br>NAFAS SALUR RM580,000 PROGRAM 'BACK TO SCHOOL', NASIONAL, BH -26<br>RM580,000 FOR FARMERS AND FISHERMEN, NEWS IN BRIEF/NEWS, NST -11 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 21. | 210 NELAYAN DAPAT PERHATIAN KERAJAAN, PRIHATIN, HARAKAH -F3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Palekbang Bridge, Kpg Laut projects will further boost tourism, says Mustapa | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 04 Jan 2021 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 4 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 187 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,275 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,825 |



# Palekbang Bridge, Kpg Laut projects will further boost tourism, says Mustapa

**TUMPAT:** The Palekbang Bridge and the redevelopment of Kampung Laut projects by the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) will further boost tourism and socio-economic activities in Kelantan.

Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed said that the construction of the Palekbang-Kota Bharu Bridge, costing RM250 million, which will be completed by the end of November 2023, will solve the traffic congestion problem at the Sultan Yahya Petra Bridge to and from Kota Bharu.

"It will provide an alternative route that will connect Tumpat to Kota Bharu.

The new bridge will also increase the connectivity of the locals and facilitate the movement of people as well as cross-border trade once completed.

"It will be a catalyst for the development of new areas, especially in Tumpat district and the expansion of Kota Bharu business centre," he told reporters after visiting the Laman Warisan and Laman Seni in Kampung Laut here, yesterday.

Also present were Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob, Deputy Minister of Agriculture and Food Industry II Datuk Che Abdullah Mat Nawi and ECERDC chief executive officer Baidzawi Che Mat.

The Palekbang Bridge, which is more than one kilometre long, has been at the design and survey stage since Sept 12 last year, and the appointment of a contractor is expected to be made in the second quarter of this year.

For the Kampung Laut redevelopment project, Mustapa said that it would be developed as a heritage village with the concept of a 'living museum' to house the Laman Warisan and Laman Seni, adding he believed that it would not only attract tourists but also provide opportunities for local small and medium enterprises.

"Phase 1 will cost RM40 million and is expected to be completed in May this year.

The main component in this project is the relocation of the Kampung Laut Mosque which is about 300 years old, and one of the oldest mosques in the country.

"This is part of the effort to preserve the historical, cultural and architectural values of the mosque and make it a heritage landmark in Kelantan," he said, adding that the high-impact project showed the federal government's concern for local development in Kelantan.

Earlier yesterday, Mustapa visited the Tok Bali Supply Base and the Tok Bali Integrated Fisheries Park, both located in Pasir Puteh.

Mustapa said the Tok Bali Supply Base, developed by the private sector, was to support oil and gas exploration activities off the coast of the peninsula where its strategic location allows it to be a one-stop service supply centre for oil and gas as well as support services companies operating in the South China Sea.

Meanwhile, the Tok Bali Integrated Fisheries Park will encourage value-added processing activities to produce fish-based products and to contribute towards the country's food security, he said. — Bernama

Powered by: isentia

| Headline | Kelantan MB and Mustapa inspect ECERDC`s 2 projects | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily (East Coast) | | |
| Date | 04 Jan 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 8,439 |
| Page No | 6 | Readership | 25,317 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 174 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 527 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,582 |






慕斯达法（右三）参观耗资6400万令吉的督峇里综合渔业园，左二为拜扎威阪末。

# 丹大臣與慕斯達法
# 巡視ECERDC 2計劃

（巴西富地3日讯）吉兰丹州务大臣拿督阿末耶谷和首相署部长（经济）拿督斯里慕斯达法，今日联袂巡视丹州内由东海岸经济特区发展理事会（ECERDC）执行的计划，包括兴建哥打峇鲁-巴力邦大桥和甘榜拉勿“文化村”重建工程。

随团的有农业及食物工业部副部长拿督坎阿都拉，丹州行政议员拿督阿查米，丹州经济发展局局长旺莫哈末苏海米和东海岸经济特区发展理事会首席执行员拜扎威阪末。

上述2项计划相辅相成，建大桥是为了纾缓吉兰丹大桥繁忙的交通流量，让往返哥市和道北的人们多一个选择；将道北县甘榜拉勿发展为“文化村”，有助于振兴中小型企业和旅游业，第一阶段的工程预料于今年5月完成。

慕斯达法说拥有300年历史的甘榜拉勿清真寺，将搬回原址，以传承悠久的马来传统文化和建筑历史，增建大桥则是联邦政府对丹州人民的关怀，希望连接两地后，各行各业受惠。

较早前，他也到巴西富地县参观了督峇里储藏中心和督峇里综合渔业园。

他说，督峇里储藏中心是方便石油和天然气的私人公司，在大马半岛海外经营石油和天然气业的公司，将在这里有个适当的处理中心；督峇里综合渔业园则鼓励更多的海产加工业在此进行，并为当地人提供就业机会。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/1/2021 | HARAKAH | NASIONAL | H24 |


# MAFI pastikan bekalan makanan negara mencukupi – *Che Abdullah*

Oleh NOR HAZWANI NOH

**SOROTAN 2020 Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI). Dato' Che Abdullah Mat Nawi.**

TAHUN 2020 merupakan tahun paling mencabar berikutan penularan wabak pandemik Covid-19 yang memberi impak kepada seluruh rakyat marhaen, pihak kerajaan hinggalah kepada pemimpin di seluruh negara.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, antara cabaran besar yang dihadapi oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi adalah perlu memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi bagi menampung permintaan penggunaan sepanjang tempoh tersebut.

**Pada awal Mac lalu,** beberapa isu berkaitan status pembekalan, pemasaran dan penghantaran bekalan makanan telah timbul.

Namun, setelah melalui mesyuarat khas bersama exco-exco pertanian negeri beberapa kaedah penyelesaian, pendekatan yang lebih sistematik dan terperinci telah dikenalpasti bagi membantu petani, penternak serta nelayan dalam memasarkan hasil pertanian.

Dalam masa yang sama, untuk memastikan rakyat mendapat bekalan makanan mencukupi, MAFI telah membuka bilik gerakan pemantauan krisis Covid-19 sepanjang tempoh PKP.

Kementerian juga melalui agensinya FAMA telah membuka pusat jualan barangan segar terkawal di 97 lokasi di seluruh negara.

**Pada April,** Che Abdullah telah mengadakan lawatan ke kilang beras Syarikat Faiza Sdn Bhd di Subang Jaya, Selangor bertujuan melihat stok bekalan beras.

Beliau memaklumkan kedudukan stok beras dalam negara di peringkat kilang, borong dan runcit sentiasa pada kadar konsisten iaitu purata 400,000MT-500,000MT setiap masa.

Dalam pada itu, beliau turut memberi jaminan bekalan ikan dan hasil laut mencukupi sepanjang tempoh PKP malah negara Malaysia sendiri mengeluarkan lebih daripada keperluan.

**Pada Mei,** Che Abdullah telah mengadakan lawatan di tapak Projek Kelapa Berkelompok di Kampung Kelong, Tumpat, Kelantan.

Beliau memaklumkan penanaman kelapa di negeri itu berpotensi diperluaskan bagi menyediakan bekalan secara berterusan air nira sama ada dijadikan gula melaka atau minuman.

Beliau berkata permintaan tinggi produk yang dihasilkan daripada nira kelapa itu masih relevan setiap masa.

Di samping itu, nilai hasil jualan pertanian dan perikanan menerusi e-dagang Shopee Malaysia bagi dua kedai rasmi Agrobazaar Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) catat hasil jualan bernilai RM250,000.

**Pada Jun,** Che Abdullah telah mengadakan beberapa lawatan untuk menyampaikan bantuan khususnya bagi industri perikanan dan pertanian di Terengganu, Johor dan Kelantan.

Lawatan diadakan untuk menyampaikan Bantuan *Touch Point* untuk kiosk dan peralatan sokongan perikanan iaitu pukat tiga lapis dan kit keselamatan nelayan yang bernilai RM50,000 kepada tiga orang wakil 42 orang ahli di Jabatan Perikanan Negeri Terengganu di Daerah Besut.

Seterusnya, beliau telah membuat lawatan ke Pusat Pemprosesan serta Pengumpulan Buah dan Benih PPTTN Alor Bukit, Pekan Nenas, Johor.

Katanya produk yang dihasilkan daripada nanas bukan hanya buah dan produk makanan sahaja, malah daunnya juga turut boleh diproses menjadi silaj dan benang.

Beliau turut menyempurnakan penyerahan Geran Agropreneur Muda bernilai RM120000 kepada 6 orang usahawan muda nanas.

> Penanaman kelapa di negeri itu (Kelantan) berpotensi diperluaskan bagi menyediakan bekalan secara berterusan air nira sama ada dijadikan gula melaka atau minuman.

Kemudian beliau meneruskan perjalanan menerusi Progam Jelajah Agropreneur Muda Negeri Kelantan 2020 yang berlansung di Dewan Pejabat KADA, Jajahan Tumpat, Kelantan.

Beliau turut menyempurnakan majlis perasmian dan Penyerahan Geran Agropreneur Muda yang berjumlah RM752,968 kepada 43 orang usahawan daripada agensi-agensi di bawah kementerian.

Seterusnya Che Abdullah membuat lawatan kerja ke Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan menyempurnakan pelancaran logo Sambutan Jubli Emas Ulang Tahun ke-50 penubuhan MADA.

**Pada Julai,** Che Abdullah turut bersama menyambut kunjungan hormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Dato' Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Kementerian Pertanian dan Industri Pertanian (MAFI) di Pejabat Menteri Pertanian dan Industri Pertanian, Dato' Seri Dr. Ronald Kiandee.

Kunjungan diteruskan dengan perbincangan kerjasama strategik antara MAFI dan MEDAC.

Seterusnya, Che Abdullah mengadakan lawatan ke ladang Eco-Yap milik Dato' Yap Yun Fook di Keningau, Sabah.

Ladang yang diusahakan Yap Yun Fook itu menjadikan susu sebagai produk utama selain nanas, ikan, sarang burung walit, tanduk rusa, baja tinja dan beberapa benih tanaman buah-buahan seperti durian, nangka dan rambutan.

Yang menarik perhatian Che Abdullah adalah ladang Yap Yun Fook mengamalkan sistem integrasi yang sangat sistematik, efisyen dan optimum.

Sebagai contoh lembu-lembu tenusunya diberi makan rumput napier yang ditanamnya sendiri. Manakala hasil tinja lembu pula dijadikan baja untuk rumput napier yang ditanamnya. Selain itu, hasil tinja lembunya juga ada yang dikumpulkan, dikeringkan dan dibungkus untuk dijadikan baja organik.

Tambahan, Yap Yun Fook juga turut memelihara kambing tenusu untuk produk susu kambing.

Dalam pada itu, MAFI telah membuat pelbagai usaha dan perancangan bagi menarik minat belia dalam sektor pertanian dan industri pembuatan makanan antaranya menubuhkan Unit Agropreneur Muda.

Beliau berkata Program Agropreneur Muda menawarkan tiga perkhidmatan iaitu bantuan geran sehingga RM20,000 pinjaman hingga RM200,000 dan bimbingan teknikal kepada semua belia.

**Pada Ogos,** Che Abdullah mengadakan lawatan kerja di Pelabuhan LKIM Chendering, Terengganu.

Melawat pelabuhan seluas 41 hektar boleh memuatkan kapasiti pendaratan sebanyak 24,000 MT dan rekod nilai pendaratan ikan tertinggi pada tahun 2012 iaitu sebanyak 17,109.09 MT.

Kata beliau, terdapat isu mendapan pasir di dalam harbour basin yang menjadi isu utama di pelabuhan ini yang menyebabkan bot-bot tidak dapat masuk untuk melakukan pendaratan tangkapan dan telah mendapat perhatian kementerian untuk tindakan selanjutnya.

Memasuki bulan September ke kampung Tiruk, Gual Ipoh, Tanah Merah untuk merasmikan Pusat Jualan Produk Hiliran AK Puyuh Emas Enterprise yang dimiliki oleh Abdul Kharian.

Usahawan puyuh itu merupakan salah seorang daripada lapan usahawan dari negeri Kelantan yang menerima pembiayaan daripada MAFI melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di bawah Program Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP) pada tahun ini.

**Pada Oktober,** Che Abdullah mewakili Malaysia sebagai Ketua Delegasi dalam *APEC Virtual Ministerial Policy Dialogue On Food Security 2020* yang mana ia julung kalinya dianjurkan oleh MAFI secara maya.

Perlaksanaan itu diadakan bagi berkongsi pandangan mengenai strategi-strategi berkaitan polisi sekuriti makanan dalam menghadapi ancaman Covid-19 dan memastikan sekuriti makanan di rantau Asia Pasifik terus proaktif, berdaya tahan dan mampan.

**Pada November,** MAFI telah membelanjakan dana sebanyak RM800,000 bagi membantu golongan nelayan di seluruh negara sepanjang tahun ini.

Beliau berkata ia merupakan sebahagian daripada dana sebanyak RM1.5 juta yang diperuntukkan kepada MAFI. Peruntukkan itu meliputi sumbangan kebajikan serta bantuan bencana kepada golongan nelayan yang di timpa musibah.

Melabuh tirai Disember 2020, Che Abdullah telah melancarkan tiga produk inovasi makanan baharu iaitu Lof Surimi Berdaging, Burger Ikan dan Kopi, Pracampuran ekstrak Pegaga di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).



Dato' Che Abdullah Mat Nawi menyempurnakan Majlis Pelancaran Produk Inovasi Makanan MARDI di MARDI Pasir Puteh baru-baru ini iaitu Lof Surimi Berdaging, Burger Ikan dan Kopi Pracampuran Ekstrak Pegaga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | HARAKAH | NASIONAL | H21 |

# Kenapa tidak ternak babi di kawasan pemakan babi???

**Oleh**
**Dr Ridhuan Tee Abdullah**

SAYA merasa hairan, boleh dikatakan saban minggu kita disajikan dengan berita, pencemaran najis babi, yang memberi kesan kepada air (sungai), udara (bau), manusia (ketidakselesaan) yang sebagainya.

Dalam kata lain, penternakan babi telah memberikan kesan yang sangat tidak baik, terhadap alam dan manusia. Paling pelik dan menghairankan, kenapa tidak ada tindakan dan terus dibiarkan berleluasa?

Rintihan dan aduan ini bukan baharu, tetapi telah berlaku sekian lama. Boleh dikatakan berlaku di setiap negeri, terutama Pulau Pinang, Selangor, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan sebagainya.

Bagi Kampung Air Melintas Kecil, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, isu pencemaran najis babi di Sungai Kereh akibat longgokan najis babi yang mengalir dari ladang di Kampung Selamat yang jaraknya kira-kira lima kilometer dari sini, sejak tahun 1980 hingga kini, bukan isu baharu tetapi telah bertapak lama.

Negeri ini diperintah ultra kiasu. Kenapa mangsakan orang yang tidak makan babi dengan menternak berdekatan dengan kampung dan sungai mereka.

Apa di sebalik semua ini sehingga tidak ada tindakan dan penguatkuasaan undang-undang dibuat? Malah terus berleluasa.

Seperti harapan penduduk di sana dan negeri lain, sudah sampai masanya, pertama, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat perkara tersebut yang berkemungkinan melibatkan faktor "orang dalaman". Pencemaran Sungai Kereh sebab perkara ini sudah berpuluh tahun (40 tahun), berpunca dari ladang babi dan juga bahan kimia kilang.

Menurut penduduk di sana, ketika musim kemarau, keadaan amat serius, bau amat kuat, bercampur najis babi dan bahan kimia dari kilang.

Pencemaran najis babi ini turut memberikan kesan kepada sawah padi disebabkan air sungai yang tercemar itu turut memusnahkan hasil tanaman padinya. Petani mengalami kerugian ribuan ringgit. Tidak ketinggalan penyakit kulit, gatal-gatal, akibat babi-babi ini.

Babi ini makhluk Allah, ia tidak bersalah. Penternak babi yang bersalah. Tindakan mesti diambil.

Untuk makluman, sebelum penternakan babi ini, ketika Sungai Kereh belum tercemar pada awal 1970-an, sungai itu lubuk rezeki untuk penduduk setempat mencari rezeki kerana banyak udang galah. Kini, aktiviti menangkap dan menjual udang galah tidak lagi dapat dilakukan. Inilah angkara penternak babi yang sengaja melakukannya.

Kedua, semua pihak mesti bersatu hati mengambil tindakan. Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementeri Pertanian, Industri dan Asas Tani, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Kesihatan, Pejabat Tanah dan Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Veterinar dan sebagainya.

Begitu banyak agensi kerajaan terlibat, kenapa masih tidak dapat diselesaikan?

Paling kurang pun, pindahkan ladang ternak babi ke kawasan pemakan babi.

Pemakan babi tidak ramai, termasuk ada sebahagian orang Cina tidak maka babi, tetapi babi terlalu banyak diternak. Siapa lagi yang makan, kalau bukan untuk tujuan eksport. Tidakkah kita merasa malu, sebuah negara Islam menjadi pengeksport babi, bukannya kambing dan lembu.

Ketiga, kajian rapi hendaklah dibuat kenapa penternakan babi biasanya dibuat di kawasan majoriti Melayu. Begitu juga dengan kubur-kubur mereka seperti di Semenyih. Kenapa tidak di kawasan mereka.

Begitu juga, kenapa sebuah negara Islam perlu menternak menjadi begitu banyak babi, berbanding, lembu dan kambing.

Bukan tidak boleh ternak, tetapi berpada-pada dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Keempat, sekian lama, tinggal dalam negara Islam. Kenapa ultra kiasu ini tidak pernah cuba memahami sensitiviti orang Melayu (Islam) mengenai babi. Begitu juga dengan Filem bertajuk babi. Bukan soal filem yang menjadi masalah sangat, tetapi, perkataan babi dan gambaran babi.

Orang Melayu usahkan babi, melihat babi pun, kalau boleh dia cuba memaling atau menjauhkan diri.

Memanglah persepsi ini salah. Tidak ada salah dengan babi, kerana babi adalah juga makhluk Allah, tetapi itulah cara nak mengenali dan memahami orang Melayu. Tengok lori babi lalu pun dia tidak suka atau tidak selesa.

Saya tidak percaya ultra kiasu tidak faham soal ini. Tetapi sengaja untuk menguji. Kesabaran orang Melayu ada had.

Jika ultra kiasu terlalu obsess dengan babi, peluk ciumlah babi itu setiap hari berdekatan dengan rumah. Kenapa orang Melayu mesti dihadapkan dengan semua masalah ini.

*>>Pencemaran najis babi di Sg Kereh*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | HARIAN METRO | BISNES | 21 |



KILANG pemprosesan daging di bawah Fair Exports.

# Jamin status halal




## *Fair Exports bertanggungjawab pantau proses pematuhan piawaian daging diiktiraf Jakim*

Oleh Rosyahaida Abdullah
bisnes@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Fair Exports (India) Pvt Ltd (*Fair Exports*) yang juga pengeluar daging halal jenama Al-Tamam, Amroon dan Al-Fadeel memberi jaminan status halal bagi semua produk mereka yang dipasarkan di Malaysia mengikut piawaian pihak berkuasa.

Menerusi kenyataan di laman web rasmi, syarikat itu memaklumkan, pihaknya sentiasa memastikan proses dan piawaian halal dipatuhi, malah bertanggungjawab memantau seluruh proses berkenaan.

Katanya, ia bagi memenuhi standard pensijilan halal ditetapkan *Jamiat Ulama-I-Hind Halal Trust* iaitu badan pensijilan halal di India yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Loji penyembelihan daging kerbau (APEDA 42) bagi ketiga-tiga jenama kami dipantau dan diiktiraf Jakim, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia bagi memastikan segala prosedur halal diikuti sepenuhnya.

"Produk kami juga dieksport ke lebih 29 negara di serata dunia termasuk Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Kuwait, Iraq, Jordan, Maldives, Indonesia dan Mesir," katanya.

*Fair Exports* menegaskan produk daging kerbau sejuk beku dieksport ke Malaysia melalui proses pengeksportan secara terus kepada pembekal daging sah dan berlesen tanpa membabitkan mana-mana pihak ketiga atau orang tengah.

Dalam pada itu, *Fair Exports* turut menyatakan sokongan penuh terhadap usaha kerajaan Malaysia membanteras jenayah penyeludupan daging secara tidak sah serta pemalsuan logo halal.

Syarikat itu berharap isu itu diselesaikan segera bagi memastikan aspek halal serta keselamatan industri daging import sejuk beku halal terpelihara sekali gus menghilangkan kebimbangan pengguna Islam di Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |



**PENDUDUK** kampung menaikkan lukah dari Sungai Segamat sebagai langkah berjaga-jaga ketika musim tengkujuh.- UTUSAN/ FARAHWAHIDA AHMAD

# Nelayan ambai, lukah dinasihat berwaspada

**SEGAMAT:** Nelayan di daerah ini dinasihatkan supaya tidak turun ke sungai sekiranya keadaan cuaca tidak menentu sepanjang musim tengkujuh ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Segamat, Mansor Ibrahim, 70, berkata, peringatan itu perlu bagi memastikan nelayan yang menggunakan teknik ambai dan lukah mengambil langkah keselamatan sebelum ke Sungai Segamat, Chodan dan Muar.

"Mereka perlu memakai pakaian cerah dan sentiasa mengambil langkah keselamatan sepanjang musim tengkujuh ini.

"Mereka yang berusia dan berseorangan, tidak digalakkan ke sungai," katanya ketika ditemui di Kampung Tebing Tinggi, Segamat di sini hari ini.

Mansor memberitahu, terdapat 52 nelayan air tawar di Segamat, dan jika turun ke sungai harus ditemani dan memaklumkan kepada waris terlebih dahulu.

"Walaupun berlaku kes terpencil seperti nelayan yang lemas berseorangan ketika menangkap ikan di sungai namun ia tidak harus dipandang ringan.

Sementara itu, nelayan Sungai Chodan, Abdullah Mohamad Dom, 60, berkata, maklumat berkaitan dengan keadaan cuaca semasa sentiasa dititikberatkan setiap kali di musim hujan.

"Apabila tiba musim tengkujuh, saya tetap turun ke sungai kerana ia merupakan punca pendapatan utama saya. Waktu ini lah musim ikan baung, ikan lampam dan udang galah.

Menurut Mansor lagi, mereka juga perlu menyediakan peralatan keselamatan seperti ditetapkan dalam syarat lesen.

Antaranya jaket keselamatan dan pelampung di dalam bot selain memastikan sekurang-kurangnya peralatan telekomunikasi seperti telefon bimbit berfungsi dengan baik.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kayak fishing tests anglers` stamina, skills | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 04 Jan 2021 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 414 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,308 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,924 |





Kayak fishing activity about 3.6 kilometres from the coast at Pantai Bagan Pinang. - Bernama photo

# Kayak fishing tests anglers' stamina, skills



A kayaker looking for a suitable area to fish. - Bernama photo

**PORT DICKSON:** While kayaking is a popular activity in Malaysia, kayak fishing has yet to gain traction among anglers and adventure sports lovers.

One company in Port Dickson is trying to change that by offering kayak fishing services to the more adventurous angling enthusiasts who love a good challenge as manoeuvring and balancing a narrow boat with a paddle and casting a fishing line into the water can test an angler's stamina and dexterity levels.

PD Watersports Sdn Bhd, based in Pantai Bagan Pinang here, has been renting out kayaks for fishing purposes since March this year. The response so far has been overwhelming as it has been attracting an average of 100 customers a month with most of them giving their kayak fishing experience the thumbs up.

Its managing director Mazuan Mohd Noor, 37, said kayak fishing has great potential for development in this country.

"Actually, this activity has been around for a long time and has its own set of fans who love challenges. However, it has yet to become a popular pursuit. One needs to have a great deal of stamina to control and paddle the kayak," he told Bernama.

Many people may wonder how angling can be carried out from a kayak in view of the narrowness of its cockpit where the kayaker sits.

Mazuan explained that kayaks used for angling are wider and more stable than the boats used for kayaking purposes.

"We also provide a smartphone app which our kayak fishing anglers can download to locate fishing points in the sea which we will share with them," he said.

Next year, his company plans to upgrade their boats with a fish finder, a high-frequency sonar device that can locate schools of fish.

His company currently has a fleet of 16 kayaks, including single-person and tandem kayaks.

Mazuan also said that the company gives priority to safety and every kayak is equipped with safety jackets and a walkie-talkie.

"We also advise newcomers to kayak fishing not to venture too far away from the coast. One of our staff will also accompany them to monitor their safety," he said.

Mazuan, who was born and raised in Jempol, Negeri Sembilan, said among his workers are fisherman who are familiar with the sea and know where the prolific fishing areas are located.

Mazuan said although it has not even been a year since he started his kayak rental company, he gets an average of 100 customers – both male and female – a month, with many of them being repeat customers who have grown to love kayak fishing.

One of them is Mohd Razif Hafez Ab Jalil, a teacher who found kayak fishing challenging but satisfying.

"Kayak fishing offers a different kind of experience and satisfaction compared to regular fishing.

"It is definitely challenging, what with the waves and sea-sickness and all that... we are not even sure if we will be able to catch any fish but the satisfaction we get is something else. In fact, I find it a great stress reliever as well," he added.

Mazuan's company operates daily from 7.30 am to 6.30 pm and the kayaks can be rented at RM80 per person.

Meanwhile, Negeri Sembilan Fisheries Department director Halimi Abu Hanip welcomed initiatives to popularise kayak fishing as an ecotourism activity in Port Dickson district, saying that it would also help to generate an income for the local community.

He said Pantai Bagan Pinang is growing popular as a destination for kayak fishing.

"We have noticed that of late it has become a trend (in Pantai Bagan Pinang). The fishermen here are also offering kayak rental services and they have built creative artificial reefs in the coastal area to enable kayak anglers to fish there," he said, adding that his department would improve the existing facilities to enable the fishermen to carry out their activities. - Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | KOSMO | NEGARA | 14 |



**KUBIS seberat 2,500kg yang dirampas Maqis di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat baru-baru ini.**

# Maqis berjaya rampas kubis seludup bernilai RM23,690

**KLANG** – Cubaan sebuah syarikat tempatan menyeludup kubis seberat 2,500 kilogram (kg) berjaya dipatahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat di sini baru-baru ini.

Pengarah Maqis Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, semua sayuran bernilai RM23,690 yang berada dalam sebuah kontena itu dirampas kira-kira pukul 10.30 pagi.

"Siasatan awal, kami mendapati kubis tersebut dipercayai datang dari Indonesia.

"Kubis yang dibawa masuk oleh sebuah syarikat itu tidak mempunyai sebarang permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis," katanya katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Ujar beliau, kes sedang disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak lebih RM100,000 atau kedua-duanya sekali," katanya.

Tambah Tarmisal, tindakan penguatkuasaan akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

"Langkah itu bagi memastikan tumbuhan, haiwan, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak penyakit serta bahan cemar," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# 2,500kg kubis dari Indonesia dirampas

**Pelabuhan Klang:** Tindakan sebuah syarikat tempatan membawa masuk kubis dari Indonesia tanpa permit import sah membawa padah apabila dirampas di pintu masuk Pelabuhan Barat, di sini pada 31 Disember lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Selangor, Dr Tarmisal Alimin, berkata pihaknya merampas kontena itu pada jam 10.30 pagi.

"Sebuah kontena yang membawa 2,500 kilogram (kg) kubis segar itu ditahan ketika pemeriksaan rutin anggota penguat kuasa MAQIS.

"Siasatan terhadap kontena berkenaan mendapati kubis yang dibawa masuk itu tidak mempunyai sebarang permit import sah dikeluarkan oleh MAQIS.

"Anggaran kubis yang dirampas bernilai RM23,690.76 dan MAQIS turut mengenakan kompaun ke atas syarikat terbabit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tarmisal berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

**Fakta Nombor**

**RM23,690**

anggaran nilai kubis yang dirampas



***Kubis dibawa masuk*** *dari Indonesia tanpa permit import sah dirampas di pintu masuk Pelabuhan Barat pada 31 Disember lalu.* (Foto ihsan MAQIS)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | HARAKAH | PANTAI TIMUR | H14 |

# Ramai usahawan bimbingan Mardi berjaya

Oleh
**MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

**TUMPAT:** Seramai 40 usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kelolaan Mardi Kelantan dibimbing dengan bantuan geran bernilai RM775,000 sejak 2015.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, proses permohonan usahawan dibuat melalui pensijilan ISO 99001:2015.

Menurutnya, berdasarkan nilai jualan kasar tahunan, 17 usahawan mendapat pendapatan lebih RM100,000 hingga RM300,000 setahun.

Manakala 21 lagi mendapat lebih RM300,000 hingga RM5 juta setahun.

"Ramai usahawan kita sudah berjaya dan ini membuktikan kejayaan dan perkhidmatan Mardi yang merangkumi khidmat nasihat teknikal, teknologi dan bantuan geran.

"Kita juga membantu dalam permohonan bagi mendapatkan geran-geran yang sesuai bagi meningkatkan daya pengeluaran selain mengadakan kursus dan latihan," katanya selepas majlis penyerahan 'Touchpoint' kepada Usahawan Bimbingan Mardi, Agropreneur Muda dan Peserta Rezeki Tani di sini Khamis lepas.



**Che Abdullah Mat Nawi menunjukkan produk yang dikeluarkan usahawan IKS.**

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian, Dato' Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Mardi Malaysia Dato' Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

Che Abdullah berkata pihak kementerian merangka program bagi menarik minat lebih ramai penduduk menceburi sektor pertanian dan pemprosesan makanan.

Menurutnya program agropreneur muda dan Rezeki Tani bermula sejak 2012 hingga 2018 yang dikenali Azam Tani.

"Bagi program agropreneur untuk tarik belia bertani. Sehingga kini seramai 38 peserta dibangunkan di Mardi Kelantan dengan geran sebanyak RM577,400.

"Program Rezeki Tani Mardi Kelantan berjaya membimbing 508 pengusaha pertanian, ternakan, industri asas tani dan perkhidmatan pertanian," katanya.

Sehingga kini seramai 11 peserta dibangunkan dengan bantuan bernilai RM110,000.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | HARAKAH | PANTAI TIMUR | H14 |

# Mardi lahir 530 usahawan tani




**Timbalan Menteri bersama usahawan yang menerima geran Penjana B40.**

**Oleh ZULKIFLI HUSSIN**

**PASIR PUTEH:** Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) tidak pernah jemu mencipta teknologi baru bagi membantu petani, penternak, usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II Datoi Che Abdullah Mat Nawi berkata, Mardi berusaha menjalankan penyelidikan untuk melahirkan lebih ramai golongan bumiputera yang berjaya manjadi jutawan di bidang pertanian.

Katanya sehingga sekarang agensi itu berjaya melahirkan seramai 530 usahawan yang berpendapatan antara RM300,000 hingga RM5 juta setahun.

"50 peratus mencapai tahap empat dalam pelbagai sektor dengan menghasilkan produk," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran produk inovasi makanan Mardi di Padang Pak Amat dekat sini Rabu lepas.

Pada program berkenaan beliau merasmikan pelancaran tiga produk hasil inovasi yang dijalankan Mardi antaranya kopi pracampuran dengan ekstrak pegaga, burger ikan dan lof surimi berdaging.

Tiga produk tersebut dihasilkan melalui penyelidikan sains dan teknologi makanan.

Produk lof surimi berdaging mempunyai kandungan protein dan karbohidrat yang tinggi, malah lebih tinggi berbanding burger daging dan ayam.

"Produk ini juga mempunyai asid lemak trans yang rendah baik untuk kesihatan," kata Che Abdullah.

Beliau juga berkata, produk burger ikan pula dibangunkan daripada sumber ikan akuakultur dan laut seperti ikan lolong, tilapia, dan selayang. Produk tersebut mengandungi isi ikan sebenar, tinggi kandungan protein dan tiada asid lemak trans.

Kopi pracampuran ekstark pegaga pula mengandungi anti oksidan dan fitokimia yang tinggi berbanding produk kopi pracampuran komersial lain. Ia juag terbukti memberi manfaat kesihatan dan dapat mengurangkan tekanan.

Che abdullah juga berkata, Kementerian Pertanian memperuntukkan sebanyak RM46 juta bagi melaksanakan usaha penyelidikan tahun ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | HARAKAH | NASIONAL | H5 |




Dr Nik Zawawi Salleh dan Abdul Aziz Derashid pada program dialog bersama Pengerusi LPP.




Produk yang dikeluarkan usahawan tempatan.

# LPP sasar pelabur dari negara Arab

**Oleh ZULKEFLI HUSSIN**

**PASIR PUTEH:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyasarkan pelabur dari negara-negara Arab untuk melabur dalam bidang pertanian di negara ini.

Pengerusinya Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, tumpuan pelaburan dalam sektor ternakan ayam yang dianggarkan melibatkan modal awal kira-kira RM800 juta.

Katanya, rundingan mengenainya diadakan Selasa lepas dengan wakil Raja Bahrain yang berpengalaman luas dalam bidang pelaburan di luar negara.

"Mereka berminat melabur di negara ini termasuk dalam bidang pengeluaran makanan dan ternakan ayam," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog dan suai kenal dengan Pengerusi Peladang Negeri Kelantan di pejabatnya di sini Khamis lepas.

Turut hadir Pengarah LPP Kelantan Mohd Hanifa Awang Su, Pengerusi Jemaah Pengarah LPP Kelantan Dato' Abdul Aziz Derashid dan lebih 50 peserta peladangnita dari seluruh Kelantan.

Dr Nik Zawawi yang juga ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, projek itu akan membantu mengatasi masalah kekurangan bekalan ayam yang sering berlaku pada musim perayaan.

"Kita sering mendengar ketika sambutan Hari Raya bekalan mendapat permintaan tinggi," katanya.

Menurutnya juga LPP berusaha membantu pengusaha yang mengeluarkan produk hiliran termasuk sos cili, tomato dan madu lebah supaya dapat dipasarkan ke negara-negara Arab terutama ke Yaman.

Kata beliau madu lebah menarik turut menarik minat mereka kerana kualitinya lebih baik berbanding keluaran di negara berkenaan.

Katanya, pelaksanaan projek itu dijangka akan menjadi kenyataan selepas berakhir pandemik Covid-19 yang melanda sekarang.

Sementara itu, Abdul Aziz Derashid berkata, larangan lintas sempadan negara antara Malaysia-Thailand akibat ancaman Covid-19 memberi pendapatan lumayan kepada petani dan peladang tempatan.

Beliau berkata, terdapat dalam kalangan mereka memperolehi pendapatan antara RM20,000 hingga RM30,000 semusim hasil jualan tanaman seperti labu dan terung.

Sedangkan kata beliau sebelum ini mereka terpaksa bersaing harga yang dikeluarkan dari negara jiran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | SINAR HARIAN | BISNES SINAR | 31 |

# Portal Agrobazaar Online hampir sesak

**PORTAL** Agrobazaar Online Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) hampir sesak dan aliran trafik untuk memasuki portal tersebut adalah tinggi.

Fenomena ini berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan, kata Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli baru-baru ini.

April mencatatkan jualan tertinggi menerusi Agrobazaar Online berjumlah RM835,579.

Ia bermula apabila FAMA bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuat hebahan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada awal April tahun lepas bagi mempromosikan portal tersebut.

Susulan penguatkuasaan PKP untuk membendung penularan Covid-19, pengguna dilihat sukar untuk mendapatkan barangan segar dan keperluan dapur terutamanya apabila hampir kesemua outlet peruncitan fizikal seperti pasar awam dan pasar tani ditutup.

Menyedari situasi mendesak itu dan trend pengguna yang mula beralih kepada cara pembelian dalam talian dan FAMA bertindak agresif dengan memperhebatkan promosi dan publisiti Agrobazaar Online.

Selain daripada SMS, platform media sosial dan liputan media FAMA turut "membalut" pengangkutan awam seperti KTM, LRT dan ETS dengan cetakan iklan berkaitan Agrobazaar Online.

Portal tersebut dibangun dan diuruskan FAMA yang telah menjangkau usia lima tahun sejak dilancarkan pada 5 Disember 2015.- *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | HARIAN METRO | BISNES | 20 |

# LARIS MUSIM PKP

## Portal Agrobazaar Online Fama catat jualan bernilai RM835,579 pada April lalu

Bernama

**Singapura**

Portal Agrobazaar Online Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) hampir sesak dan aliran trafik untuk memasuki portal itu adalah tinggi.

Fenomena ini berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan, kata Ketua Pengarah Fama, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli, baru-baru ini.

April mencatatkan jualan tertinggi menerusi Agrobazaar Online berjumlah RM835,579.

Ia bermula apabila Fama bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuat hebahan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) pada awal April tahun lalu bagi mempromosikan portal berkenaan.

Susulan penguatkuasaan PKP untuk membendung penularan Covid-19, pengguna dilihat sukar mendapatkan barangan segar dan keperluan dapur terutama apabila hampir semua *outlet* peruncitan fizikal seperti pasar awam dan pasar tani ditutup.

Menyedari situasi mendesak itu dan *trend* pengguna yang beralih kepada cara pembelian dalam talian, katanya Fama bertindak agresif dengan memperhebatkan promosi dan publisiti Agrobazaar Online.

Selain daripada SMS, platform media sosial dan liputan media, katanya Fama turut membalut pengangkutan awam seperti KTM, LRT dan ETS dengan cetakan iklan berkaitan Agrobazaar Online.

Portal itu dibangun dan diuruskan Fama menjangkau usia lima tahun sejak dilancarkan pada 5 Disember 2015.




PORTAL Agrobazaar Online Fama.

Bagi memudahkan lagi pengguna mendapatkan barangan, katanya Fama turut bekerjasama dengan platform e-dagang lain seperti Lazada, Shopee dan Foodpanda.

Agensi ini turut setanding dengan platform digital berkenaan, mampu melakukan Jualan Hebat pada tarikh istimewa 10.10, 11.11, 12.12 serta Jualan Merdeka dan 55 tahun Fama.

Pada tarikh 11.11, sejumlah 5,902 usahawan didaftarkan dalam Agrobazaar Online dengan 18,775 unit simpanan stok (SKU) dan mencatat jumlah jualan RM7.9 juta.

Beliau berkata, kerjasama selama enam bulan antara Fama, Lazada dan Shopee yang bermula pada April 2020 mencatatkan nilai jualan RM128,565.86 dan hampir 258 SKU dipasarkan.

Selain kerjasama strategik itu, Zainal Abidin berkata, Fama merangka kolaborasi melatih usahawan membangunkan laman sesawang e-dagang melalui platform eFAMAplace dan Shoppergram.Com.

"Usahawan tidak boleh menjadi *silent participant* saja. Mereka perlu sama-sama buat promosi," katanya.

Bagi eFAMAplace, katanya ia memberi ruang pasaran alternatif melalui platform Shopee dengan jangkaan 1,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat manfaat.

Melalui platform eFAMAplace, Fama menganggarkan nilai jualan usahawan RM1.5 juta bagi tempoh enam bulan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | BERITA HARIAN | BISNES | 37 |

# Aliran trafik portal Agrobazaar FAMA tinggi

**Portal** Agrobazaar Online Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) hampir sesak dan aliran trafik untuk memasuki platform itu tinggi.

"Fenomena ini berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan," kata Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

April mencatatkan jualan tertinggi menerusi Agrobazaar Online berjumlah RM835,579.

Ia bermula apabila FAMA bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuat hebahan menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) pada awal April tahun lalu bagi mempromosikan portal berkenaan.

Susulan penguatkuasaan PKP untuk membendung penularan COVID-19, pengguna dilihat sukar untuk mendapatkan barangan segar dan keperluan dapur, terutama apabila hampir semua *outlet* peruncitan fizikal seperti pasar awam dan pasar tani ditutup.

Menyedari situasi mendesak itu dan trend pengguna yang mula beralih kepada cara pembelian dalam talian, katanya, FAMA bertindak agresif dengan memperhebatkan promosi dan publisiti Agrobazaar Online.

Katanya, selain SMS, platform media sosial dan liputan media, FAMA turut 'membalut' pengangkutan awam seperti KTM, LRT dan ETS dengan cetakan iklan berkaitan Agrobazaar Online.




***Portal Agrobazaar Online FAMA** menjadi pilihan ketika PKP.*

Portal dibangun dan diuruskan FAMA sudah menjangkau usia lima tahun sejak dilancarkan pada 5 Disember 2015.

Bagi memudahkan lagi pengguna mendapatkan barangan, FAMA turut bekerjasama dengan platform e-dagang lain seperti Lazada, Shopee dan foodpanda.

Agensi ini turut setanding dengan platform digital itu, mampu melakukan Jualan Hebat pada tarikh istimewa, iaitu 10.10, 11.11, 12.12 serta Jualan Merdeka dan 55 tahun FAMA.

Pada 11.11 itu, 5,902 jumlah usahawan didaftarkan dalam Agrobazaar Online dengan 18,775 unit simpanan stok (SKU) dan mencatat jumlah jualan RM7.9 juta.

Beliau berkata, kerjasama selama enam bulan antara FAMA, Lazada dan Shopee bermula pada April lalu berjaya mencatatkan nilai jualan RM128,565.86 dan hampir 258 SKU dipasarkan.

Selain kerjasama strategik berkenaan, Zainal Abidin berkata, FAMA sedang merangka kolaborasi untuk melatih usahawan membangunkan sendiri laman sesawang e-dagang melalui platform eFAMAplace dan Shoppergram.Com.

"Usahawan tidak boleh menjadi *silent participant* sahaja. Mereka perlu sama-sama membuat promosi," katanya.

Bagi eFAMAplace, katanya, ia akan memberi ruang pasaran yang alternatif melalui platform Shopee dengan jangkaan 1,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan mendapat manfaat.

Menerusi platform eFAMAplace, FAMA menganggarkan nilai jualan usahawan RM1.5 juta bagi tempoh enam bulan.

Melangkah ke hadapan, Zainal Abidin berkata, FAMA akan mewujudkan Agrohub, iaitu pusat penyimpanan, pembungkusan dan penghantaran bagi jualan dalam talian.

Beliau berkata, bagi fasa pertama pembangunan Agrohub, lima lokasi dikenal pasti, iaitu di Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah.

"Ia bagi memastikan pengedaran barangan dapat dilakukan dengan lebih cepat, tepat dan kekal kualiti," katanya.

Bagi urusan pengambilan dan penghantaran, katanya, FAMA telah bekerjasama dengan syarikat logistik seperti Pos Malaysia, Lalamove dan Goget.

Zainal Abidin berharap Agrobazaar Online akan menjadi pelengkap kepada sistem pendigitalan sedia ada dalam memperkasa sektor pertanian dan agro makanan selaras pemasaran digital.

| Headline | Deputy agriculture minister hands over `back-to-school` aid | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily (East Coast) | | |
| Date | 04 Jan 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 8,439 |
| Page No | 6 | Readership | 25,317 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 80 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 242 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 727 |

# 副農長移交「返回校園」援金




农业及食物工业部副部长拿督仄阿都拉(右)返回吉兰丹州的道北国会选区，出席国家农民组织(NAFAS)举办"返回校园的活动时，移交开学援助金给一位母亲。中为国家农民组织董事主席拿督娜芝拉。图为学生莫哈末拉菲克的母亲仄诺丽莎从副部长手上接过援助金。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

## NAFAS PERUNTUK RM580,000 MELALUI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL'




TUMPAT: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperuntukkan RM580,000 bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan, dalam membuat persiapan awal persekolahan anak-anak mereka, melalui program tanggungjawab sosial korporat, iaitu 'Back To School' pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sumbangan yang antaranya berbentuk baucar bernilai RM100 itu akan memberi manfaat kepada lebih 3,000 penerima, yang terdiri daripada golongan petani, penternak dan nelayan, di seluruh negara.

"NAFAS akan mengagihkan sumbangan ini secara berperingkat kepada mereka yang layak dan ia dijangka selesai sebelum bermulanya sesi persekolahan pada 20 Januari ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan Back To School Peringkat Parlimen Tumpat anjuran NAFAS, yang diadakan di Dewan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tumpat di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Wan Roslan Wan Hamat dan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Nazilah Abd Latif.

Che Abdullah turut berkata bagi peringkat Parlimen Tumpat, NAFAS telah memperuntukkan RM45,000 yang disalurkan kepada 450 orang dengan memberi sumbangan baucar pembelian barangan sekolah bernilai RM100, seorang.

"NAFAS sentiasa prihatin dan mengambil berat bagi meringankan beban keperluan keluarga berpendapatan rendah, terutamanya dalam mendepani situasi semasa di mana pandemik COVID-19 masih belum berakhir.

"Saya berharap melalui sumbangan ini dapat meringankan beban golongan yang memerlukan, untuk membuat persiapan awal persekolahan anak-anak mereka," kata Ahli Parlimen Tumpat itu. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Nafas agih bantuan *Back To School*

**Peruntuk baucar RM580,000 bantu ringan beban lebih 3,000 penerima**

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

**TUMPAT**



CHE ABDULLAH

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) melunaskan tanggungjawab sosial korporat (SCR) dengan mengagihkan bantuan persekolahan berbentuk baucar *Back To School* bernilai RM580,000 kepada golongan sasar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sumbangan diberikan kepada lebih 3,000 penerima dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan termasuk nelayan, petani dan ibu tunggal.

"Pihak Nafas prihatin terhadap rakyat yang terjejas pendapatan semasa mendepani situasi semasa pandemik Covid-19 yang masih lagi belum berakhir malah makin menular saat ini.

"Bantuan yang disalurkan ini diharap dapat membantu golongan yang memerlukan membuat persiapan awal persekolahan anak-anak mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Sumbangan *Back To School* di Dewan Maktab Rendah Sains Mara Tumpat di Sri Tujuh di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Nazilah Abd Latif dan Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kelantan, Wan Roslan Wan Hamat.




Che Abdullah (kanan) dan Nazilah (tengah) menyampaikan sumbangan baucar *Back To School* kepada Ramlah di Tumpat pada Ahad.

Che Abdullah berkata, penyampaian sumbangan tersebut akan dilaksanakan oleh Nafas secara berperingkat di seluruh negara sebelum sesi persekolahan bermula pada 20 Januari depan.

"Hari ini (Ahad) bagi kawasan Tumpat sejumlah 450 individu menerima baucar pembelian barangan sekolah yang keseluruhannya bernilai RM45,000.

"Nilai agihan di setiap kawasan adalah berbeza bergantung kepada keperluan di tempat masing-masing," katanya.

Sementara itu, ibu tunggal 11 anak, Ramlah Awang Senik, 52, berkata, dia terharu dengan bantuan yang diterima bagi pihak anak kelapannya, Che Mohd Rahmat Che Salleh, 16, yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut.

"Enam anak saya yang berusia 10 tahun sehingga 19 tahun masih bersekolah dan kesemuanya belum ada sebarang persiapan bagi memulakan sesi persekolahan.

"Syukur ada juga pihak bermurah hari membantu dan dapatlah meringankan beban kami sekeluarga," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/1/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 26 |

# NAFAS salur RM580,000 program 'Back To School'

**Tumpat:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperuntukkan RM580,000 bagi membantu golongan kurang berkemampuan membuat persiapan awal persekolahan anak mereka melalui program *Back To School* pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata sumbangan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu, antaranya berbentuk baucar bernilai RM100 yang memberi manfaat kepada lebih 3,000 penerima terdiri daripada golongan petani, penternak dan nelayan, di seluruh negara.

"NAFAS akan mengagihkan sumbangan ini secara berperingkat kepada mereka yang layak dan ia dijangka selesai sebelum bermulanya sesi persekolahan pada 20 Januari ini," katanya selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan *Back To School* Peringkat Parlimen Tumpat anjuran NAFAS di Dewan Maktab Rendah Sains Mara, di sini, semalam.

Che Abdullah berkata, bagi peringkat Parlimen Tumpat, NAFAS memperuntukkan RM45,000 yang disalurkan kepada 450 orang dengan memberi sumbangan baucar pembelian barangan sekolah bernilai RM100 seorang.

"NAFAS sentiasa prihatin dan mengambil berat bagi meringankan beban keperluan keluarga berpendapatan rendah, terutama dalam mendepani situasi semasa di mana pandemik COVID-19 masih belum berakhir," katanya.

Sementara itu, di **Kuala Terengganu**, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) mengagihkan RM211,500 kepada 1,860 pelajar untuk meringankan beban kewangan keluarga mereka menjelang sesi persekolahan 2021.

Pengerusi KETENGAH, Senator Datuk Razali Idris, berkata bantuan sempena program Kembali Ke Sekolah itu membabitkan 62 sekolah di daerah Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu.

"Murid sekolah rendah menerima RM100, manakala pelajar sekolah menengah pula menerima RM150 seorang yang mana penerima bantuan ini terpilih daripada keluarga berpendapatan rendah iaitu di bawah RM2,000 sebulan," katanya. BERNAMA



***Che Abdullah menyampaikan sumbangan** kepada Che Norliza Che Aziz pada Majlis Penyampaian Sumbangan Back To School anjuran NAFAS di MRSM Tumpat, semalam.* (Foto BERNAMA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/1/2021 | NST | NEWS IN BRIEF/ NEWS | 11 |

# RM580,000 for farmers and fishermen

**TUMPAT:** The National Farmers Organisation (Nafas) has allocated RM580,000 for its Back To School programme this year. Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said RM100 vouchers would be distributed to 3,000 people comprising farmers, livestock breeders and fishermen. "Nafas will distribute them to eligible recipients in stages. This will be completed before the start of the school session on Jan 20," he said here yesterday. He said Nafas had allocated RM45,000, which will be distributed to 450 people in Tumpat. "Hopefully, this will ease the burden of the less fortunate in making preparations for their children to return to school," said the Tumpat member of parliament. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/1/2021 | HARAKAH | PRIHATIN | F3 |

## Musim tengkujuh di Terengganu

# 210 nelayan dapat perhatian kerajaan



Ustaz Mohd Kamal menyampaikan sumbangan kepada Pengerusi Persatuan Jeti Nelayan, Ayub Othman.

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA NERUS: Musim tengkujuh monsun timur laut yang sedang melanda pantai timur khususnya di negeri Terengganu, turut menjejaskan pendapatan warga nelayannya.

Sehubungan itu, seramai 210 keluarga nelayan di Kuala Nerus mendapat perhatian kerajaan dan menerima sumbangan masing-masing berupa wang tunai, beras, minyak masak serta barangan dapur.

Ahli Parlimen Kuala Nerus, Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, warga nelayan amat dekat dihatinya.

Ini kerana, kata beliau dilahir dan dibesarkan dalam suasana perkampungan nelayan di Kampung Seberang Takir.

"Program bersama nelayan hari ini melibatkan dua Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Parlimen Kuala Nerus dan DUN (Dewan Undangan Negeri) Bukit Tunggal.

"Hasil kerjasama dua Pusat Khidmat Masyarakat ini diharap dapat meringankan beban para nelayan seketika ini.

"Kami, Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kuala Nerus sentiasa berusaha untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi rakyat semampu yang boleh, kerana warga nelayan lebih dekat dihati," ujarnya.

Ucapan ringkas Dr Khairuddin itu disampaikan oleh Setiausaha Politiknya, Ustaz Mohd Kamal Nazmi Kamaruddin, pada Majlis Penyampaian Sumbangan Musim Tengkujuh kepada Nelayan di DUN Bukit Tunggal di Dewan Sivik Duyong Besar, Kuala Terengganu, pada Selasa.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak mengakui, sumbangan besar warga nelayan kepada masyarakat.

Katanya, dengan kegigihan dan kesungguhan para nelayan menyebabkan bekalan ikan mencukupi keperluan rakyat umum.

"Saya bagi pihak kerajaan mengucapkan jutaan terima kasih kepada para nelayan kita, yang memberi sumbangan kepada masyarakat dengan memastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi," ujarnya.

Manakala, Pengerusi Persatuan Jeti Nelayan, Ayub Othman mendakwa, pendapatan nelayan terjejas kerana musim tengkujuh tidak dapat turun ke laut.

Katanya, bagi warga nelayan di negeri ini pasti akan menghadapi masalah kerana keadaan laut bergelora dan ombak besar Monsun Timur Laut.

"Musim (tengkujuh) ini keadaan laut tidak menentu dan agak merbahaya kepada warga nelayan. Ini sudah pasti memberikan kesan kepada punca pendapatan keluarga nelayan di Terengganu," jelasnya.

Majlis penyampaian sumbangan kepada nelayan ini anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Kuala Nerus dan PKM DUN Bukit Tunggal, Kuala Nerus.



Dr Alias...'terima kasih' kepada warga nelayan.



Pengerusi Persatuan Jeti Nelayan, Ayub Othman...pendapatan nelayan terjejas musim tengkujuh ini.



Ustaz Mohd Kamal mewakili Ahli Parlimen Kuala Nerus, menyampaikan sumbangan kepada warga nelayan di Seberang Takir.



Setiausaha Politik Menteri, Ustaz Mohd Kamal... 'nelayan dekat dihati' Dr Khairuddin.



ADUN Bukit Tunggal, Dr Alias Razak dan Ustaz Mohd Kamal menyantuni warga nelayan.



Beras yang diagihkan kepada 210 warga nelayan di Kuala Nerus.